



JK PROMOSI EKSA NPRA 2025/2026



e-BULETIN EKSA NPRA



BIL. 1/2025



**NATIONAL PHARMACEUTICAL
REGULATORY AGENCY**
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

RINGKASAN KANDUNGAN



Tirai aktiviti EKSA bagi tahun 2025 dibuka dengan lawatan penanda aras oleh Jabatan Kimia Malaysia pada 28 Februari 2025. Pada bulan Mac dan April, dua (2) taklimat EKSA telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Kecil Latihan EKSA NPRA. Aktiviti diteruskan dengan Gotong-Royong Mega EKSA NPRA Bil. 1/2025 pada 30 Mei 2025 yang telah berlangsung dengan jayanya yang diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik. Selain itu, audit dalaman EKSA NPRA Bil. 1/2025 juga telah dijalankan pada 10-12 Jun 2025.

Menarik kali ini:

1. Garis Panduan EKSA KKM Edisi 2024
2. Lawatan Penanda Aras oleh Jabatan Kimia Malaysia
3. Taklimat EKSA
4. Gotong-Royong MEGA EKSA NPRA Bil. 1/2025
5. Audit Dalaman EKSA NPRA Bil. 1/2025



GARIS PANDUAN EKSA KKM EDISI 2024

OLEH SITI NURAIHAN BINTI RAZALI



Garis Panduan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Edisi 2024 digunakan sebagai panduan bagi tujuan memperkukuh budaya kerja yang berkualiti dalam sektor awam melalui penambahbaikan elemen-elemen utama dalam EKSA.

Antara OBJEKTIF UTAMA pelaksanaan EKSA adalah :

1. Meningkatkan imej korporat
2. Menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi selaras dengan tuntutan pihak berkepentingan
3. Menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui pembudayaan Amalan Hijau
4. Memperluaskan pelaksanaan di agensi kerajaan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif
5. Memastikan elemen pengauditan memenuhi keperluan kepelbagaian agensi

LAWATAN PENANDA ARAS OLEH JABATAN KIMIA MALAYSIA

OLEH SUHAILA SUFI BINTI SALLEH



Satu sesi lawatan penanda aras EKSA telah diadakan pada 28 Februari 2025 oleh Jabatan Kimia Malaysia. Seramai 15 anggota daripada Jabatan Kimia Malaysia telah menyertai lawatan ini yang bertujuan untuk memberi pendedahan dalam pelaksanaan EKSA di NPRA. Pelawat telah dibawa melawat Zon NPRA pada hari lawatan tersebut.



Majlis dirasmikan oleh YBrs. Dr. Noraida Binti Mohamad Zainoor, Timbalan Pengarah NPRA



Lawatan ke Taman Herba, NPRA



Lawatan Bilik Fail SFV



Photobooth di depan bilik Pengarah NPRA


TAKLIMAT EKSA

OLEH SITI NURAIHAN BINTI RAZALI

TAKLIMAT REFRESHER DAN PEMANTAPAN AMALAN EKSA

Pada 24 Mac 2025, Jawatankuasa Kecil Latihan EKSA NPRA telah menganjurkan satu sesi Taklimat *Refresher* dan Pemantapan Amalan EKSA kepada semua Jawatankuasa Pelaksana Zon NPRA. Taklimat ini telah diberikan oleh Pn. Nor Rafidah Salehudin dari Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu. Sepanjang taklimat, para peserta telah diberikan penjelasan mengenai kepentingan dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, sistematik dan lebih efisien.

Objektif taklimat ini adalah supaya semua kakitangan dapat bersama-sama dalam memastikan kejayaan pelaksanaan EKSA disamping meningkatkan imej dan kualiti penyampaian perkhidmatan organisasi.



TAKLIMAT PENGENALAN DAN KESEDARAN EKSA SIRI 01/2025

Jawatankuasa Kecil Latihan EKSA Zon NPRA juga telah menganjurkan satu sesi Pengenalan dan Kesedaran EKSA pada 16 April 2025. Taklimat ini telah dijalankan secara maya dan disampaikan oleh En. Saiful Majaheed Yusoff dan Pn. Suhasinee Subramaniam.



Tujuan sesi ini dijalankan adalah untuk memberikan kesedaran berkenaan EKSA dan juga ingin memupuk kefahaman konsep serta amalan EKSA berdasarkan Garis Panduan terkini Edisi 2024.

GOTONG-ROYONG MEGA EKSA NPRA 1/2025 : MERIAH DAN BERSEMANGAT!

OLEH FATIN DIYANA FAUZI



Gotong-Royong Mega EKSA NPRA Bil. 1/2025 telah berlangsung pada 30 Mei 2025 di Dewan Serai Wangi. Majlis dirasmikan oleh YBrs. Timbalan Pengarah PPPK selaku Pemangku Pengarah NPRA dan disertai oleh warga NPRA yang lain.



SENAMROBIK CHALLENGE

Acara dimulakan dengan Senamrobik Challenge yang penuh bertenaga dan mencuit hati. Aktiviti ini bukan sahaja mencergaskan badan, malah mengeratkan ukhuwah antara warga kerja dalam suasana santai dan menyeronokkan.



SESI GOTONG-ROYONG

Aktiviti diteruskan dengan sesi gotong-royong di ruang kerja dan kawasan sub zon masing-masing, menyemai nilai kebersihan dan keteraturan selaras dengan amalan EKSA di NPRA.



Syabas dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini demi memantapkan budaya EKSA di tempat kerja kita!

KUIZ KAHOOT EKSA NPRA 2025

OLEH FATIN DIYANA FAUZI

Selepas sesi senamrobik, para peserta menguji pengetahuan EKSA masing-masing dalam Kuiz Kahoot EKSA yang dijalankan secara interaktif dan pantas. Persaingan yang sihat dan penuh gelak tawa berjaya mencipta suasana yang meriah. Seramai 10 peserta terpantas dan paling tepat berjaya membawa pulang hadiah-hadiah menarik sebagai penghargaan.



2ND



Pn. Ng Wan Ning

1ST



Pn. Nor Naimah Ismail

3RD



Pn. Norazimah Talib



AUDIT DALAMAN EKSA

NPRA BIL. 1/2025

OLEH THARSHINI A/P SUBRAMANIAM

Audit Dalaman EKSA NPRA Bil. 1/2025 telah dijalankan ke atas semua subzon (Zon Pulau, Zon Gunung, Zon Taman Tema dan Zon Tasik) pada 10 – 12 Jun 2025. Audit dalaman ini telah diketuai oleh Puan Noor'ain Binti Shamsuddin.



PROGRAM PENGIKTIRAFAN EKSA

Seiring dengan Audit Dalaman EKSA NPRA Bil 1/2025, Jawatankuasa Audit EKSA telah turut melaksanakan program pengiktirafan EKSA seperti berikut :

- | | |
|---------------------------------|---------------------------|
| 1.Sub-zon terbaik | 4.Pantri terbaik |
| 2.Bilik pegawai terbaik | 5.Lobi terbaik |
| 3.Ruang kerja / kubikel terbaik | 6.Bilik Mesyuarat terbaik |
| | 7. Peti kunci terbaik |

AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA EKSA ZON NPRA SESI 2025/2026

Pengerusi

YBrs. Pengarah NPRA

Penyelaras I YBhg. Datin Zahura binti Mohamed

Penyelaras II Pn. Irdawaty binti Mohd Salleh

Fasilitator Pn. Sharifah Nor Sazlin binti Syed Zainuddin

Setiausaha I Pn. Nurul Izzah Hany binti Ismail

Setiausaha II Pn. Zanariah binti Zahari

Bendahari En. Shaharizal bin Senayan

Ketua JK Kecil Audit Pn. Noor'ain binti Shamsuddin

Ketua JK Kecil Latihan Pn. Nur Syafiah binti Abdul Wahid

Ketua JK Kecil Promosi Pn. Nor Lisa Assakina binti Jamil

JK PROMOSI EKSA NPRA 2025/2025

Ketua Pn. Nor Lisa Assakina Jamil

Timbalan Ketua En. Jeeven Raj a/l Rajagopal

Setiausaha Pn. Wong Hui Ying

E - BULETIN

Pn. Suhaila Sufi binti Salleh

Pn. Siti Nuraihan binti Razali

Pn. Fatin Diyana binti Fauzi

Pn. Tharshini a/p Subramaniam

E - FLYER

Pn. Chen Yoke Shan

Pn. Liew Carmen

Pn. Anisa binti Abdul Razak

Pn. Norsafikawahida binti Senin

Pn. Siti Jamilah binti Zainuddin